JOBNAME: No Job Name PAGE: 1 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

Mohd Asyraf Thiru bin Abdullah dan satu lagi lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN JENAYAH NO MT 42SH(A)-47 TAHUN 2010
ABDUL KARIM PK
13 FEBRUARI 2013

Undang-Undang Jenayah — Rasuah — Menerima suapan — Rayuan daripada mahkamah sesyen — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada hakim bicara khilaf dalam menjatuhkan hukuman dan sabitan — Wang yang sepatutnya diperoleh tidak sama dalam pertuduhan — Sama ada isu pertuduhan berasas — Sama ada permintaan berjaya dibuktikan untuk membangkitkan kesalahan dalam pertuduhan — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie — Sama ada terdapat keraguan munasabah — Sama ada anggapan di bawah s 42 Akta Pencegahan Rasuah dapat disangkal — Akta Pencegahan Rasuah 1997 ss 17(a), 42

Pengadu ('SP6') dan rakannya ('SP7') merupakan anggota Komando Gerak Khas (Angkatan Tentera Malaysia) yang telah ditahan oleh perayu-perayu, yang kedua-duanya merupakan pegawai polis, kerana disyaki terlibat dalam satu kes samun ragut. Sebelum ditahan di lokap, SP6 dan SP7 telah menyerahkan semua barang peribadi untuk disimpan. Semasa dalam perjalanan ke mahkamah, perayu-perayu telah memaklumkan SP6 dan SP7 tentang kesalahan, hukuman dan kesannya kepada mereka sebagai penjawat awam dan perayu pertama dikatakan meminta RM5,000 setiap seorang untuk membolehkan mereka membantu mengurangkan hukuman iaitu daripada pemenjaraan kepada denda supaya mereka tidak diberhentikan kerja. Perayu pertama kemudiannya memberitahu SP6 dan SP7 bahawa wang jaminan telah dikurangkan daripada RM1,500 kepada RM1,000. Perayu pertama didakwa telah memaklumkan bahawa dia telah berbincang dengan pihak mahkamah dan magistret bersetuju untuk mengurangkan sebanyak RM500 dan dengan itu meminta SP6 dan SP7 membayar RM500 setiap seorang kepadanya. Sejurus kemudian, perayu kedua pula telah datang ke lokap mahkamah seorang diri dan memberitahu SP6 dan SP7 bahawa dia telah menggunakan duitnya sendiri untuk mengurangkan wang jaminan berkenaan dan meminta wang tersebut sebanyak RM500 seorang agar dibayar kembali kepadanya. Selepas dibebaskan, SP6 dan SP7 telah membuat laporan Badan Pencegah Rasuah ('BPR') tentang permintaan wang oleh kedua-dua perayu. Suatu pelan pemerangkapan kemudiannya dibuat. SP6 menghubungi perayu kedua dan menyatakan mereka akan datang ke pejabatnya untuk mengambil barang peribadi berkenaan. Pada hari yang ditetapkan kesemua barang peribadi dalam simpanan perayu kedua dipulangkan dan SP6 telah bertanyakan tentang wang

JOBNAME: No Job Name PAGE: 2 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

RM1,000. SP6 memberitahu perayu kedua bahawa dia hendak ke bank untuk mengeluarkan wang berkenaan. Perayu kedua bersetuju dan membawa mereka ke suatu gerai. Tidak lama selepas itu perayu pertama tiba dan bertanyakan tentang wang tersebut kepada SP6. Perayu pertama kemudiannya mengajak SP6 ke motosikalnya dan menyuruh SP6 memasukkan wang tersebut ke dalam beg warna hitam dalam bakul motosikalnya. Setelah itu dilakukan, SP6 memberikan isyarat kepada pasukan perangkap dan pasukan perangkap seterusnya menangkap kedua-dua perayu. Perayu-perayu kemudiannya dituduh bersama-sama di mahkamah sesyen atas tiga pertuduhan di bawah s 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 ('Akta') yang dibaca bersama-sama s 34 Kanun Keseksaan ('Kanun') iaitu: secara rasuah meminta wang suapan sebanyak RM5,000 sebagai dorongan untuk membantu mengurangkan hukuman yang mungkin akan dikenakan ke atas SP6 dan SP7 ('pertuduhan pertama'); meminta suatu suapan wang sebanyak RM500 seorang sebagai upah mengurangkan jumlah jaminan mahkamah ('pertuduhan kedua'); dan telah secara rasuah memperoleh suatu suapan iaitu wang sebanyak RM1,000 seorang ('pertuduhan ketiga'). Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* ke atas kedua-dua perayu bagi pertuduhan pertama dan kedua tetapi bersalah bagi pertuduhan ketiga dan menjatuhkan ke atas kedua-dua perayu hukuman penjara 14 hari dan denda RM10,000 yang mana jika gagal dibayar akan dipenjara selama dua bulan. Tidak berpuas hati, kedua-dua perayu merayu terhadap sabitan bagi pertuduhan ketiga dan hukuman tersebut atas dua alasan. Alasan pertama melibatkan isu pertuduhan yang tidak berasas kerana wang RM1,000 yang dikatakan dijumpai merupakan satu jumlah yang bertentangan dengan wang yang sepatutnya diperoleh seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan ketiga iaitu RM1,000 seorang. Alasan kedua pula melibatkan isu kegagalan pendakwaan membuktikan adanya permintaan daripada perayu pertama untuk membangkitkan kesalahan dalam pertuduhan ketiga.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Walaupun mahkamah rayuan harus memberi pengiktirafan kepada penemuan yang dibuat oleh mahkamah bicara, dan agak perlahan dalam mengganggu keputusan hakim bicara, namun mahkamah dalam rayuan bertanggungjawab membetulkannya jika didapati keputusan dan penemuan yang dibuat itu adalah salah (lihat perenggan 26).

(2) Pihak pendakwaan perlu membuktikan permintaan atau tuntutan untuk membangkitkan kesalahan yang berasaskan perkataan memperoleh seperti disebut dalam pertuduhan ketiga. Namun begitu, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan unsur permintaan atau tuntutan dan sekali gus unsur memperoleh untuk membangkitkan satu kes secara rasuah memperoleh suatu suapan iaitu wang tunai RM1,000 seorang seperti dalam pertuduhan ketiga. Walaupun jika ada permintaan dibuat,

JOBNAME: No Job Name PAGE: 3 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

itu tidak ada kaitan dengan upah seperti yang nyatakan dalam pertuduhan. Jika ada pun kesalahan telah dilakukan oleh perayu-perayu, kesalahan itu boleh merujuk: kepada kesalahan lain tetapi bukan kesalahan rasuah seperti yang dipertuduhkan (lihat perenggan 24).

(3) Hakim bicara telah terkhilaf dengan nyata apabila menyatakan salah satu elemen yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan di akhir kes pendakwaan melibatkan pembuktian suatu suapan telah diperoleh atau diterima. Suapan RM1,000 seorang ternyata salah, tidak wujud, salah tanggapan dan amat meragukan. Berdasarkan keterangan dan fakta yang telah dikemukakan kesilapan begini tidak sepatutnya berlaku di pihak pendakwaan. Kesilapan sebegini bukan sahaja telah memprejudiskan kedua-dua perayu, malahan telah menyebabkan *miscarriage of justice*. Dalam apa keadaan sekalipun, pindaan atau penyembuhan di bawah s 422 Kanun Acara Jenayah tidak dapat dan tidak seharusnya dilakukan di peringkat rayuan ini (lihat perenggan 25).

(4) Dengan kegagalan untuk membuktikan unsur memperoleh, pihak pendakwaan tidak berjaya mengguna pakai andaian di bawah s 42 Akta dan sekaligus gagal membuktikan suatu kes prima facie di akhir kes pendakwaan (lihat perenggan 26).

[English summary

The complainant ('SP6') and his friend ('SP7') were the members of the Special Unit Commando (Malaysian Armed Force) whom had been arrested by the appellants, who were both police officers, for suspicion of being involved in a snatch theft case. Before being held in the lock-up, SP6 and SP7 had surrendered all their belongings for safekeeping. On the way to the court the appellants informed SP6 and SP7 of the offence, the sentence and its effect on them as public servants and the first appellant were alleged to have asked RM5,000 each to help them in reducing the sentence ie from sentence of imprisonment to only fine so that they were not dismissed from the employment. The first appellant subsequently told SP6 and SP7 that the bail money had been reduced from RM1,500 to RM1,000. The first appellant was alleged to have informed that he had discussed with the court and the magistrate agreed to reduce up to RM500 and therefore asked SP6 and SP7 to pay RM500 each to him. Not long after that, the second appellant came to the court lock-up alone and told SP6 and SP7 that he had used his money to reduce the bail money and asked for the amount of RM500 each repaid to him. Upon being released, SP6 and SP7 had made a report to the Anti-Corruption Bureau ('BPR') regarding the demand for money by both appellants. A plan for trap was made. SP6 contacted the second appellant and told that they would be coming to his office to take their personal belongings. On the fixed day, all the personal belongings in the second appellant's custody were returned and SP6 had asked about the amount of RM1,000. SP6 told the second appellant that he wanted to go to the bank to withdraw the money. The second appellant

JOBNAME: No Job Name PAGE: 4 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

agreed and brought them to a stall. Not long after that the first appellant arrived and asked about the money to SP6. The first appellant then asked SP6 to go to his motorcycle and told SP6 to put the money into a black coloured bag in the motorcycle basket. Once that was done, SP6 gave the signal to the trap team and the trap team then arrested both appellants. The appellants were thereafter charged together in the sessions court on three charges under s 10(a)(aa) of the Anti-Corruption Act 1997 ('the Act') read together with s 34 of the Penal Code ('Code') ie: corruptly solicited an inducement of RM5,000 as gratification to help in reducing the sentence that may be imposed on SP6 and SP7 ('the first charge'); soliciting an inducement of RM500 as a reward to reduce the amount of court bail ('the second charge'); and had corruptly obtained a gratification ie the amount of RM1,000 each ('third charge'). At the end of the prosecution's case, the trial judge concluded that the prosecution had failed to prove a prima facie case on both appellants for the first and second charges but guilty of the third charge and imposed on both appellants the sentence of 14 years imprisonment and a fine of RM10,000, in default two months imprisonment. Not satisfied, both the appellants appealed against the conviction for the third charge and the sentence on two grounds. The first ground involved the issue of baseless charge as the money of RM1,000 that allegedly found were the amount which was contradicting with the amount that actually should have been obtained as stated in the third charge ie RM1,000 each. The second ground involved the issue of the failure by the prosecution to prove that there was solicitation by the first appellant to raise the offence in the third charge.

Held, allowing the appeal:

(1) Although the appellate court must give recognition to the findings made by the trial court, and should be slow in interfering with the decision by the trial judge, but the court in an appeal was responsible to correct it if found that the decision and the findings made were wrong (see para 26).

(2) The prosecution must prove the solicitation or demand to raise the offence based on the word receiving as stated in the third charge. However, the prosecution had failed to prove the element of solicitation or demand and thus receiving to raise a case of corruptly receiving a gratification ie the cash of RM1,000 each as stated in the third charge. Even if the solicitation was made, it had no connection with the gratification as stated in the charge. Even if there was offence committed by the appellants, the offence could be referred to other offences but not the offence of corruption as per the charge (see para 24).

(3) The trial judge had clearly erred when he stated that one of the elements to be proven by the prosecution at the end of the prosecution's case involved the proof of gratification received or accepted. The gratification of RM1,000 each was clearly wrong, did not exist, misconceived and doubtful. Based on the evidence and facts adduced, such error should not

JOBNAME: No Job Name PAGE: 5 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

have occurred for the prosecution. Error such as this did not only prejudice both the appellant, but also caused miscarriage of justice. In any event, the amendment or recovery under s 422 of the Criminal Procedure Code could not and ought not to be made at this appellate stage (see para 25).

(4) By the failure to prove the element of solicitation, the prosecution was unsuccessful to apply the presumption under s 42 of the Act and hence failed to prove a prima facie case at the end of the prosecution's case (see para 26).]

Nota-nota

Untuk kes menerima suapan, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 144.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Rahman bin Suhaimi v PP [2012] 3 MLJ 284, MT (dirujuk)
Bachik bin Abdul Rahman v PP [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572, MR (dirujuk)
Nobies Weah Ezike v PP [2009] 6 MLJ 608; [2010] 1 CLJ 578, MR (dirujuk)
PP v Ishak bin Hj Shaari & other Appeals [2003] 4 MLJ 585; [2003] 3 CLJ 843, MR (dirujuk)
PP v Jamil bin Mahmod & Anor [1998] 4 MLJ 681, MT (tidak diikut)
PP v Mohd Nor bin Hamid [2004] 5 MLJ 97, MT (tidak diikut)
Tunde Apatira & Ors v PP [2001] 1 MLJ 259; [2001] 1 CLJ 381, MP (tidak diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Rasuah 1997 ss 2, 10, 11, 11(a)
Anti-Corruption Act 1947 [IND]
Anti-Corruption Act 1988 [IND]
Kanun Acara Jenayah s 422
Penal Code [IND] s 161

Fairuz bin Johari (Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Raftifizi bin Zainal Abidin (Raftifizi & Rao) bagi pihak responden.

Abdul Karim PK:

[1] Perayu pertama, Mohd Asyraf Thiru bin Abdullah ('perayu 1'), telah dituduh di Mahkamah Sesyen Melaka secara bersama-sama dengan perayu kedua, Roslan bin Abd Karim ('perayu 2'), dengan pertuduhan-pertuduhan berikut:

JOBNAME: No Job Name PAGE: 6 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

PERTUDUHAN PERTAMA

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Mei 2003 di antara jam 2.00 petang dan 2.30 petang di dalam sebuah kenderaan bernombor pendaftaran WGP 1650, semasa dalam perjalanan dari Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah ke Kompleks Melaka, Air Keroh, di dalam Melaka Tengah, di dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah meminta bagi diri kamu berdua suatu suapan iaitu wang tunai RM5,000.00 daripada Azzrulnizam bin Zainol (T 3008101) dan Mohd Rizal bin Mohd Zambran (T 3008146) sebagai dorongan untuk membantu mengurangkan hukuman yang mungkin akan dikenakan ke atas mereka berdua bagi pertuduhan di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan yang dihadapkan terhadap mereka dalam kes nombor 82–2–2003 di Mahkamah Majistret Melaka, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 16 Akta 575.

PERTUDUHAN KEDUA

Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Mei 2003 di antara jam 2.30 petang dan 3.00 petang di dalam lokap Kompleks Mahkamah Melaka, Air Keroh, di dalam Daerah Melaka Tengah, dalam Negeri Melaka, telah secara rasuah meminta (corruptly solicits) bagi diri kamu berdua suatu suapan iaitu wang tunai RM500.00 seorang daripada Azzrulnizam bin Zainol (T 3008101) dan Mohd Rizal bin Mohd Zambran (T 3008146) sebagai upah dalam mengurangkan jumlah jaminan Mahkamah yang dikenakan ke atas Seksyen 379 Kanun Keseksaan yang dihadapkan terhadap mereka dalam kes nombor 82–2–2003 di Mahkamah Majistret Melaka, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 16 Akta 575.

PERTUDUHAN KETIGA

Bahawa kamu bersama-sama pada 27 Mei 2003 di antara jam 2.30 petang di hadapan sebuah kedai makan di sebelah Kedai Celcom, Jalan Munsyi Abdullah, di dalam Daerah Melaka Tengah, dalam Negeri Melaka, sebagai ejen Kerajaan Melaka iaitu anggota Polis Di-Raja Malaysia, L/Kpl 103862 dan Sarjan 82712 yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah telah secara rasuah memperoleh bagi diri kamu berdua suatu suapan iaitu wang tunai RM1000.00 seorang daripada Azzrulnizam bin Zainol (T 3008101) dan Mohd Rizal bin Mohd Zambran (T 3008146) sebagai upah dalam mengurangkan jumlah jaminan Mahkamah yang dikenakan ke atas beliau bagi pertuduhan di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan yang dihadapkan terhadap mereka dalam kes nombor 82-2-2003 di Mahkamah Majistret Melaka, dan kerana memulangkan semula barangan peribadi iaitu sebilah pisau komando, seutas jam tangan dan wang tunai yang disita oleh kamu, yang mana mempunyai hubungan dengan hal ehwal principal kamu dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 16 Akta 575.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 7 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

[2] Di akhir kes pendakwaan, iaitu pada 16 April 2008, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana (hakim bicara) telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie ke atas perayu 1 dan perayu 2 bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua. Mereka berdua kemudiannya dibebas dan dilepaskan daripada pertuduhan-pertuduhan tersebut. Bagaimanapun hakim bicara telah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie bagi pertuduhan ketiga dan mengarahkan kedua-dua tertuduh untuk membela diri. Pada 31 Mei 2010 hakim bicara telah mendapati perayu 1 dan perayu 2 bersalah dan dihukum 14 hari penjara dan denda RM10,000, jika gagal dibayar akan dipenjara selama dua bulan. Kedua-dua tertuduh tidak berpuas hati dengan keputusan hakim bicara dan merayu ke mahkamah ini ke atas sabitan dan hukuman tersebut.

[3] Perbicaraan rayuan di mahkamah ini telah ditetapkan beberapa kali sejak 28 Julai 2011. Di sepanjang penetapan tarikh perbicaraan rayuan ini, perayu 2 telah gagal menghadirkan diri sehingga kes rayuannya dibatalkan pada 18 April 2012. Bagaimanapun, perbicaraan rayuan perayu 1 diteruskan dan pada 22 November 2012, setelah mendengar dan mempertimbangkan penghujahan kedua-dua pihak, saya telah membenarkan rayuan perayu 1 dan membebas dan melepaskan dirinya daripada pertuduhan ketiga. Berikut merupakan alasan saya memutuskan sedemikian.

FAKTA LATAR BELAKANG

[4] Sebelum membentangkan latar belakang fakta kes pendakwaan terhadap kedua-dua perayu, bersesuaian untuk diperkenalkan di peringkat ini personaliti utama yang terlibat dalam kes ini. Pengadu, Azzrulnizam bin Zainol, 28 tahun, SP6, dan rakannya Mohd Rizal bin Mohd Zambran, 26 tahun, SP7, ialah anggota Komando Gerak Khas (Angkatan Tentera Malaysia) berpangkat Leftenan Muda. Kapten Nazar bin Talib (Mejar semasa memberi keterangan), SP2, pada masa matan, ialah pegawai staf II Undang-Undang Markas 21, *Group* Gerak Khas ('GGK'), Kem Sungai Udang, Melaka. Antara tugasnya, SP2 mengendalikan semua kes tatatertib, disiplin dan hal-hal berkaitan awam dan tentera yang melibatkan GGK. SP2 ialah pegawai atasan SP6 dan SP7. Manakala perayu 1 ialah seorang anggota polis berpangkat koperal dan bertugas sebagai jurufoto pasukan polis. Perayu 2 pula ialah seorang anggota polis berpangkat sarjan dan merupakan pegawai penyiasat kes ini. Perayu 1 merupakan anggota pasukan perayu 2.

[5] Secara ringkas, kes pendakwaan menunjukkan pada pukul 4.30 pagi 22 Mei 2003 SP6 dan SP7 telah ditahan oleh polis di satu sekatan jalan raya di hadapan Balai Polis Ayer Keroh, Melaka kerana disyaki terlibat dalam satu kes samun ragut. Mereka di bawa ke Balai Polis Ayer Keroh untuk urusan pemeriksaan dan kemudiannya telah dibawa dan ditahan di lokap Ibu Pejabat

JOBNAME: No Job Name PAGE: 8 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

Polis Daerah, IPD, Melaka Tengah dari 22–26 Mei 2003. Sebelum ditahan di lokap IPD tersebut, mereka telah menyerahkan semua barang peribadi untuk disimpan. Perayu 2 telah dilantik sebagai pegawai penyiasat dan perayu 1 sebagai jurufoto. Perayu 2 telah menguruskan hal ehwal siasatan ie mengambil gambar, air kencing dan soal siasat. Manakala perayu 1 telah diberi tanggungjawab untuk mengambil gambar-gambar SP6 dan SP7.

[6] Pada 26 Mei 2003, SP6 dan SP7 telah dibawa ke Kompleks Mahkamah Air Keroh, Melaka dengan kenderaan polis yang dipandu oleh perayu 2 bagi tujuan pertuduhan. Perayu 1 ikut sekali sebagai pengiring (*escort*). Semasa dalam perjalanan ke mahkamah, perayu 2 dan perayu 1 dikatakan telah memaklumkan SP6 dan SP7 tentang kesalahan, hukuman dan kesannya kepada mereka, sebagai penjawat awam. Pada ketika ini SP6 dan SP7 mengatakan perayu 1 ada meminta RM5,000 setiap seorang untuk membolehkan mereka membantu mengurangkan hukuman iaitu daripada pemenjaraan kepada denda supaya mereka tidak diberhentikan kerja.

[7] SP6 dan SP7 telah dituduh di mahkamah magistret pada hari itu dan telah dijamin oleh bapa ('SP4') dan kakak ('SP5') masing-masing sebanyak RM1,000 setiap seorang. Selepas dituduh, mereka telah dibawa kembali ke lokap mahkamah. Ketika di lokap mahkamah, perayu 1 dikatakan telah datang seorang diri dan memberitahu SP6 dan SP7 bahawa wang jaminan telah dikurangkan daripada RM1,500 kepada RM1,000. Perayu 1 dikatakan telah memaklumkan bahawa dia telah berbincang dengan pihak mahkamah dan magistret bersetuju untuk mengurangkan sebanyak RM500 dan dengan itu meminta SP6 dan SP7 membayar RM500 setiap seorang kepadanya. Setelah SP6 mengatakan tiada apa-apa dengannya untuk dibayar, perayu 1 telah beredar dari situ. Sejurus kemudian perayu 2 pula telah datang ke lokap mahkamah seorang diri dan memberitahu SP6 dan SP7 bahawa dia telah menggunakan duitnya sendiri untuk menggurangkan wang jaminan berkenaan. Dia meminta wang itu (RM500 setiap seorang) dibayar kembali kepadanya. Setelah SP6 dan SP7 menyatakan mereka tidak mempunyai apa-apa dengan mereka kerana beg duit berada dalam simpanan lokap IPD, perayu 2 bersetuju supaya mereka membayar wang RM1,000 tersebut semasa mengambil barang-barang mereka di IPD selepas dibebaskan. Perayu 2 kemudian beredar dari situ. SP6 juga mengatakan pada masa itu dia mempercayai apa yang dikatakan oleh OKT2. Menurut SP7 pula perayu 1 kembali semula ke lokap mahkamah bersama perayu 2. Perayu 2 dikatakan menerangkan kepada mereka bahawa RM1,000 sebagai wang jaminan yang telah dikurangkan dan dia telah mendahulukan wangnya bagi tujuan itu. Justeru itu perayu 2 bersetuju agar wang tersebut dibayar semula selepas mereka mendapatkan barang-barang peribadi mereka di IPD Melaka Tengah.

[8] Selepas dibebaskan atas jaminan oleh mahkamah, SP6 dan SP7 bersama

JOBNAME: No Job Name PAGE: 9 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

pegawai-pegawai tentera yang lain telah mengambil tindakan untuk menguruskan pemulangan barangan peribadi mereka dan juga untuk membuat pemeriksaan doktor ke atas kecederaan yang dikatakan dialami semasa dalam tahanan polis. Bagaimanapun pemeriksaan doktor tidak dapat dilakukan memandangkan kad pengenalan tentera mereka masih berada dalam simpanan pihak polis. Memandangkan pejabat polis telah tutup, SP6 telah menelefon perayu 2 dan mereka kemudiannya diminta untuk datang ke pejabat perayu 2 pada 27 Mei 2003 untuk tujuan tersebut. Sementara itu, pada malam tersebut SP6 dan SP7 telah berjumpa dengan pegawai atasan mereka di Kem Sg Udang termasuk Kapten Nasar, SP2, untuk memberi taklimat berkenaan kes mereka. Pada masa itulah SP6 dan SP7 telah memaklumkan tentang permintaan wang oleh perayu 1 dan perayu 2. Susulan daripada pemakluman itu, SP2 telah menasihati mereka supaya membuat laporan BPR.

[9] Pada pagi 27 Mei 2003, SP6, SP7 dan SP2 telah pergi ke pejabat BPR untuk membuat aduan. Aduan (eksh P6) telah dibuat oleh SP6. Semasa di pejabat BPR, SP6 ada diminta untuk menghubungi perayu 1 tetapi gagal kerana perayu 1 tiada di pejabat. Selepas itu SP6 diminta untuk menelefon perayu 2 dan menyatakan mereka akan datang ke pejabatnya untuk mengambil barang peribadi berkenaan. Perayu 2 telah memaklumkan supaya mereka datang pada pukul 2 petang. Malangnya, hasil rakaman telefon berkenaan gagal direkodkan kerana masalah teknikal. Seterusnya, pada pukul lebih kurang 10.15 pagi itu juga, penguasa Mohd Zaki Hassan telah memberi satu taklimat kepada kumpulan perangkap yang terdiri daripada SP11, SP12, SP13, SP14, SP16, SP17 dan SP18. Di samping itu, SP6, SP7 dan SP2 (walaupun SP2 bukan anggota dalam kumpulan perangkap) hadir sekali dalam taklimat tersebut. SP6 telah diberikan wang perangkap. Setiap anggota kumpulan telah diberi peranan untuk menjalankan perangkap ke atas sasaran di sebuah gerai di sebelah bangunan CELCOM di Jalan Munshi Abdullah, Melaka. SP6 dan SP7 dikehendaki membawa perayu 2 ke tempat perangkap seperti dirancang.

[10] Pada pukul lebih kurang 1.30 petang, hari yang sama, SP2 telah membawa SP6 dan SP7 ke IPD Melaka Tengah dan meninggalkan mereka di situ untuk berjumpa dengan perayu 2. Dalam urusan yang berikutan, perayu 2 telah meminta SP6 dan SP7 berjumpa dengan L/Kpl Amri untuk mendapatkan barang-barang peribadi mereka dan selepas itu untuk berjumpa dengannya semula. Semua barang peribadi yang disimpan di IPD, Melaka Tengah telah dikembalikan kecuali pisau komando serta beberapa barang peribadi lain yang berada dalam simpanan perayu 2. SP6 dan SP7 kemudiannya berjumpa semula dengan perayu 2 untuk mendapatkan barangan tersebut. Semua barang peribadi dalam simpanan perayu 2 tersebut kemudiannya turut dipulangkan. Pada ketika inilah SP6 dikatakan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 10 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

menanyakan tentang wang RM1,000 dan perayu 2 kemudiannya berkata: 'Ingat senang ke nak *deal* dengan orang dalam, bukan pakai air liur sahaja'.

[11] Setelah selesai urusan di balai, SP6 memberitahu perayu 2 bahawa dia hendak ke Maybank untuk mengeluarkan wang berkenaan dan seterusnya berjumpa dengan SP2 yang menunggu di gerai sebelah Celcom untuk memaklumkan tentang perkembangan kes. Perayu 2 bersetuju dan membawa mereka ke sana. Setiba di sana SP6 ke Maybank berdekatan kononya untuk mengeluarkan wang RM1,000 sementara itu SP7, SP2 dan perayu 2 duduk semeja di gerai tersebut. SP6 kemudian kembali ke gerai dan tidak lama selepas itu perayu 1 tiba. Perayu 1 dikatakan menanyakan, secara pelahan, tentang wang tersebut kepada SP6. Apabila SP6 cuba untuk mengeluarkan wang berkenaan, perayu 1 bagaimanapun dikatakan tidak mahu urusan pemberian wang dilakukan di situ kerana dikatakan boleh dilihat orang. Perayu 1 kemudiannya mengajak SP6 ke motosikalnya. Setiba di motosikalnya, perayu 1 menyuruh SP6 memasukkan wang itu ke dalam beg warna hitam yang berada dalam bakul motosikalnya. Setelah itu dilakukan, SP6 memberikan isyarat kepada pasukan perangkap bahawa wang perangkap telah diserahkan dan pasukan perangkap seterusnya membuat tangkapan ke atas perayu 1. Semasa ditahan BPR, SP6 melihat perayu 1 telah menyeluk ke dalam beg dan membuangkan wang RM1,000 dalam not RM50 itu ke lantai jalan. Kumpulan perangkap BPR telah memunggut semua wang tersebut dan setelah disemak, didapati sama dengan wang tanda yang diberikan kepada SP6. Pada masa yang sama perayu 2 telah ditangkap juga di gerai tersebut oleh pasukan perangkap yang lain.

PENEMUAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[12] Di akhir kes pendakwaan hakim bicara telah membuat penemuan fakta yang amat penting kerana penemuan itu mempunyai implikasi yang amat kritikal kepada kes pendakwaan secara keseluruhan termasuklah pertuduhan ketiga. Walaupun hakim bicara tidak memberi alasan secara terperinci ke atas keputusannya, dapat diandaikan, dan ini selaras dengan prinsip penilaian prima facie di akhir kes pendakwaan, hakim bicara semestinya tidak mempercayai keterangan SP6 dan SP7 berkaitan dengan pertuduhan pertama dan kedua. Hakim bicara semestinya juga telah mengambil kira percanggahan keterangan SP6, SP7 dan SP2 terutamanya berkenaan dengan sama ada adanya permintaan secara rasuah, (*corruptly solicits*), untuk RM500 setiap seorang sebagai upah kerana membantu mengurangkan bayaran jaminan mahkamah. Harus dicatatkan transaksi yang mencetuskan permintaan RM500 itu berlaku semasa SP6 dan SP7 berada dalam lokap di mahkamah. Harus dicatatkan selanjutnya bahawa terdapat dua versi berkenaan apa yang sebenarnya berlaku di situ. SP6 dalam keterangannya menyatakan mula-mula Perayu 1 yang hadir dan menyatakan bahawa setelah berbincang dengan pihak mahkamah dan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 11 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

majistret, jaminan telah dikurangkan sebanyak RM500. Perayu 1 mahu SP6 dan SP7 membayarnya RM500. Kemudian SP6 mengatakan perayu 2 pula datang ke lokap dan memberitahu dia dan SP7 kena membayar RM500 setiap seorang kerana perayu 2 telah menggunakan atau mendahulukan duitnya dahulu. SP7 pula mengatakan perayu telah datang ke lokap dan meminta RM500 setiap seorang sebagai upah kerana dapat mengurangkan jaminan berkenaan. Beberapa minit kemudian perayu datang sekali lagi tetapi kali ini bersama perayu 2. Perayu 2 mengatakan wang RM1,000 (semestinya jumlah besar daripada RM500 seorang) telah dikurangkan dan dia telah mendahulukan wangnya. Justeru itu dia bersetuju agar wang tersebut dibayar semula selepas SP6 dan SP7 mendapatkan barang-barangnya di IPD Melaka Tengah. Daripada dua versi itu, hakim bicara dengan jelas telah menolak inti pati permintaan serta upah sebagai balasan untuk permintaan itu. Saya dengan sengaja menyebut perkara ini kerana hakikat ini mempunyai implikasi kritikal bagi isu dalam pertuduhan ketiga terhadap perayu kelak.

HUJAHAN PIHAK-PIHAK

[13] Peguam perayu mengemukakan dua alasan utama untuk mencabar keputusan hakim bicara. Alasan pertama melibatkan isu pertuduhan yang tidak berasas kerana wang RM1,000 yang dikatakan dijumpai merupakan satu jumlah yang bertentangan dengan wang yang sepatutnya diperoleh seperti mana dinyatakan dalam pertuduhan ketiga iaitu 'RM1000.00 seorang'. Wang yang sepatutnya diberi atau diperoleh ialah RM2,000! Dipertegaskan ungkapan 'RM1000.00 seorang' bukan satu kesilapan menaip tetapi satu kesilapan nyata yang menunjukkan pertuduhan ketiga itu tidak berasas dan tidak boleh dipertahankan dalam undang-undang. Pihak pendakwaan pula tidak membuat apa-apa pindaan ke atas pertuduhan itu. Hakim bicara dihujahkan gagal untuk menilai kepentingan isu. Alasan kedua pula melibatkan isu kegagalan pendakwaan membuktikan adanya permintaan daripada perayu 1 untuk membangkitkan kesalahan dalam pertuduhan ketiga. Hakim bicara dihujahkan telah tersalah arah dengan membuat penemuan terbuktinya unsur itu tanpa keterangan yang jelas. Hakim bicara dikatakan telah terkhilaf dan tersalah arah dengan hanya membuat andaian bahawa kehadiran perayu 1 di tempat tangkapan adalah untuk mendapatkan wang yang diminta olehnya. Peguam menghujahkan dengan dua alasan ini sahaja keputusan hakim bicara boleh diketepikan dan rayuan ini seharusnya dibenarkan.

[14] Timbalan pendakwa raya ('TPR') membantah keras kedua-dua alasan yang dikemukakan oleh peguam perayu 1. Ungkapan 'RM1000.00 seorang', hujah TPR, merupakan satu kesilapan sahaja dan tidak terjumlah kepada satu ketaksahan (*illegality*). Kesilapan itu juga dikatakan tidak memprejudiskan kerana dikatakan semua pihak faham, terutamanya perayu 1, dengan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 12 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

ungkapan tersebut. TPR juga menjemput mahkamah untuk menjalankan budi bicara di bawah peruntukan s 422 Kanun Acara Jenayah untuk menyembuhkan kesilapan tersebut memandangkan tiada *miscarriage of justice* telah berlaku. TPR telah bersandarkan kepada empat nas autoriti berikut untuk menyokong saranannya iaitu: *Tunde Apatira & Ors v Public Prosecutor* [2001] 1 MLJ 259; [2001] 1 CLJ 381; *Nobies Weah Ezike v Public Prosecutor* [2009] 6 MLJ 608; [2010] 1 CLJ 578; *Public Prosecutor v Ishak bin Hj Shaari & other Appeals* [2003] 4 MLJ 585; [2003] 3 CLJ 843; dan *Abdul Rahman bin Suhaimi v Public Prosecutor* [2012] 3 MLJ 284. Secara keseluruhan dihujahkan bahawa kehadiran perkataan 'seorang' dalam pertuduhan ketiga tidaklah mencacatkan kes pendakwaan.

[15] Berkenaan dengan alasan kedua perayu 1, TPR menghujahkan bahawa 'permintaan' bukan merupakan inti pati yang harus dibuktikan untuk membuktikan satu kesalahan di bawah s 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997. Apa yang harus dibuktikan ialah penerimaan wang tersebut TPR merujuk kepada nas autoriti *Public Prosecutor v Jamil bin Mahmod & Anor* [1998] 4 MLJ 681, dan kes *Public Prosecutor v Md Nor bin Hamid* [2004] 5 MLJ 97, untuk menyokong hujahnya.

ANALISA MAHKAMAH

[16] Untuk menghayati dua alasan utama yang diperdebatkan oleh kedua-dua pihak di atas, amat ketepatan untuk menurunkan peruntukan s 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997. Seksyen 11(a) menyatakan:

> 11 Jika —
>
> (a) *Mana-mana ejen secara rasuah* menyetujui-terima (*accepts*) atau *memperoleh* (*obtains*), atau bersetuju untuk menyetujui-terima atau cuba untuk memperoleh, *daripada mana-mana orang lain, untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai satu* dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau *kerana telah melakukan* atau tidak melakukan, *apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal-ehwal atau perniagaan prinspalnya*, atau kerana memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal-ehwal atau perniagaan prinsipalnya;- (Penekanan ditambah)
>
> dia adalah melakukan suatu kesalahan.

(Perkataan 'ejen' dan 'suapan' telah ditakrifkan dalam s 2 Akta Pencegahan Rasuah 1997).

[17] Perlukah pihak pendakwaan membuktikan unsur permintaan atau tuntutan (*demand*) dalam membuktikan pertuduhan ketiga ke atas perayu 1? Harus dicatatkan pertuduhan ketiga terhadap perayu 1 secara khusus menyebut 'secara rasuah memperoleh' dan pihak pendakwaan hendaklah

JOBNAME: No Job Name PAGE: 13 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

membuktikan unsur 'memperoleh' ini. Oleh itu apakah yang dimaksudkan dengan perkataan 'memperoleh' (*obtain*)? Semua pihak termasuk hakim bicara tidak menitikberatkan pertimbangan ini. Oleh kerana perkataan ini tidak ditakrifkan dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997, rujukan makna biasa akan dicari terlebih dahulu. Dalam *Reader's Digest Great Dictionary of the English Language*, perkataan 'obtain' ditakrifkan sebagai mempunyai makna — 'acquire or secure'. 'Acquire' menurut *Kamus Inggeris-Melayu Dewan, An English-Malay Dictionary*, bermakna: 'gain by one's skill, ability, effort, memperoleh; 2. mendapat'. Diperhatikan adanya unsur antara lain perolehan melalui usaha untuk mendapatkan sesuatu. Setakat ini, tidak ada nas autoriti yang secara khusus dirujuk di sini untuk mencari makna perkataan memperoleh ini dalam skima Akta Pencegahan Rasuah 1997 (pendekatan konotasi).

[18] Dalam pencarian makna perkataan tersebut, rujukan kepada komentar atau kes-kes yang diputuskan di India boleh diambil iktibar. Berhubung dengan makna perkataan 'obtain' dalam Akta Pencegahan Rasuah India 1947, Akta Pencegahan Rasuah 1988 dan s 161 Kanun Keseksaan India, Dr Ashok Dhamija dalam buku *Prevention of Corruption Act, With Detailed Analysis of the Provisions Contained in the Prevention of Corruption Act 1988, With Case Law Discussions of the Supreme Court and Various High Courts,* (2nd Ed), di ms 684 menyatakan:

> The word 'obtain' is a strong word. It includes also things received by extortion.
>
> 'Obtain' means *to secure or gain (some-thing) as the result of request or effort* (*Shorter Oxford Dictionary*). In case of obtainment the initiative vests in the person who receives and in that context a demand or request from him will be *primary requisite* for an offence under section 5(1)(d) of the Act unlike an offence under Section 161 IPC, which can be, established by proof of either 'acceptance' or 'obtainment'.
>
> *'Obtain' means acquire or get*. If a corrupt officer by the said means obtains a valuable thing or a pecuniary advantage, he can certainly be said to obtain the said thing or a pecuniary advantage; … but there is no reason why the same meaning shall be given to that word used in a different context when that word is comprehensive enough to fit in the scheme of that provision.
>
> In *R. Balakrishna Pillai v. State of Kerala*, the Supreme Court relied upon the decision in *C.K. Damodaran Nair v Govt, of India*, wherein with respect to an offence under section 5(1)(d) of the Prevention of Corruption Act, 1947 read with Section 5 (2) of the Prevention of Corruption Act, 1947, it was held that 'obtain' means to secure or gain (something) as the result of request or effort and that in case of obtainment the initiative vests in the person who receives and in that context a demand or request from him will be a primary requisite for an offence under section 5(1)(d) of the Act unlike an offence under Section 161 IPC, which can be established by proof of either 'acceptance' or 'obtainment'. In the instant case, the Supreme Court observed that *there was no effort, initiative or request on the part of the accused persons*, and hence the accused were acquitted of the charge under section 5(1)(d) of the Act read With Section 5 (2) of the said Act.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 14 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

> The word 'obtain': as per *Oxford English Dictionary*, Vol. X, (page 669) would mean '(a) to come into possession or enjoyment of (something) by One's own effort, or by request; (b) to procure or gain, as the result of purpose and the effort; hence generally, to acquire, get'. Therefore, the word *'obtain' signifies an active conduct on the part of the person in obtaining a thing either for himself or for others* (ms 687–688).

Berdasarkan makna biasa seperti diberikan oleh kamus-kamus di atas, saya bercenderungan untuk bersetuju dan mengguna pakai makna *obtain* sepertimana dianalisakan dalam buku di atas bagi tujuan pencarian awal makna 'memperoleh' dalam s 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997. Selaras dengan prinsip takrifan bahawa setiap perkataan yang digunakan dalam sesuatu Akta itu haruslah diberikan makna yang sama kecuali dinyatakan sebaliknya, prinsip bahawa sesuatu perkataan atau unggapan yang berlainan seharusnya membawa maksud yang berlainan juga hendaklah diikuti — (lihat *NS Bindra's Interpretation of Statutes* (10th Ed), di ms 716). Diperhatikan perkataan-perkataan yang dinyatakan dalam peruntukan s 10 Akta Pencegahan Rasuah 1997 atau s 11 Akta Pencegahan Rasuah 1997, seperti meminta, menerima, menyetuju-terima, dan memperoleh semesti mempunyai makna dan skop pemakaian yang berlainan, Oleh itu, bagi tujuan s 11(a), perkataan memperoleh boleh membawa maksud perlakuan yang aktif di pihak orang yang memperoleh sama ada secara meminta (*request*) atau tuntutan (*demand*) untuk sesuatu benda sama ada bagi dirinya atau orang lain.

[19] Seterusnya, daripada makna memperoleh (*obtains*) itu, perlukah pihak pendakwaan membuktikan permintaan atau tuntutan (*demand*) seperti dihujahkan oleh peguam perayu? Saya berpendapat pendakwaan perlu membuktikan permintaan atau tuntutan (*demand*) untuk membangkitkan kesalahan yang berasaskan perkataan memperoleh seperti disebut dalam pertuduhan ketiga. Saranan ini sekali lagi boleh disokong daripada buku Dr Ashok Dhamija, *Prevention of Corruption Act*, yang mana di ms 686 menyatakan:

> In *State of H.P. v Tej Ram*, it was contended that there is no word 'demand' in S. 161, I.P.C or S. 5 (1)(d) of the Prevention of Corruption Act, meaning thereby that demand on the part of the accused is not an essential element of the offence. What is necessary, it is contended, is 'obtain' and, therefore, there is no requirement to prove the demand as an independent fact The Himachal Pradesh High Court held *that It is not possible to appreciate this argument*. In case this argument is accepted, the result may be catastrophic and anyone may come forward to levy an allegation of corruption or bribery against a Government servant by just pushing money into his pocket or throwing the same at his table and without even telling him the cause of it. *The word 'obtain', therefore, has been intentionally used by the legislature and it has a definite meaning. Therefore, before anyone can be proceeded against under these provisions, it is necessary to prove that it was as a result of demand that money was passed on*. Passing of money is a consequence of the demand. (Penekanan ditambah.)
>
> (Lihat juga kes *State of J&K v Prem Parkash* 2003 Cri LJ 2932, 2935–36)

JOBNAME: No Job Name PAGE: 15 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

[20] TPR dalam mengakas hujah permintaan tersebut telah merujuk kepada dua kes. Saya berpendapat kedua-dua kes tersebut, tidak menyokong saranan TPR bagi pertuduhan ketiga dalam kes ini. Kes *Public Prosecutor v Jamil bin Mahmod* [1998] 4 MLJ 681, merujuk kepada dua pertuduhan yang melibatkan perlakuan *memujuk rayu*, dan *menerima* suapan di mana unsur permintaan tidak merupakan inti pati kesalahan atau sebahagian daripada makna perkataan tersebut. Begitu juga dengan kes *Public Prosecutor v Mohd Nor bin Hamid* [2004] 5 MLJ 97, yang mana perlakuan yang dipersalahkan melibatkan *menyetuju terima* dan *telah menerima*. Tidak ada pertuduhan yang melibatkan memperoleh. Seperti dinyatakan di atas makna dan kehendak setiap perkataan itu mestilah berlainan kecuali dinyatakan sebaliknya. Sebagai contoh, perkataan 'accept' (menerima) telah diberi makna amnya sebagai 'agree to receive or undertake (something offered)'. Tidak ada keperluan untuk membuktikan permintaan sebagai elemen penting untuk dibuktikan. Pada hal makna perkataan memperoleh, dan kehendak elemen permintaan atau tuntutan (*demand*) dalam konteks s 11(a) ini, tidak sama dengan perkataan atau unggapan yang lain itu. Dengan itu, keputusan kes-kes tersebut tidak harus dan tidak boleh menjadi prinsip am untuk diguna pakai dalam semua kategori perlakuan dalam s 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997.

[21] Berbalik kepada kes dalam rayuan ini, dan berdasarkan huraian di atas, adakah pendakwaan berjaya membuktikan unsur pertuduhan ketiga terutamanya unsur permintaan atau tuntutan (*demand*) dalam membangkitkan memperoleh berkenaan? Di sinilah peri pentingnya keputusan hakim bicara dalam melepas dan membebaskan perayu 1 dan perayu 2 bagi pertuduhan pertama dan kedua. Secara logikalnya pertuduhan ketiga akan dengan sendirinya akan tumbang juga. Pertuduhan ketiga bukan sahaja mengulangi peristiwa daripada lokap di mahkamah, malahan mengatakan perayu 1 dan perayu 2 telah secara rasuah memperoleh RM1,000 seorang sebagai upah untuk dua perkara iaitu (a) dalam mengurangkan jumlah jaminan mahkamah; dan (b) memulangkan semula barangan peribadi iaitu sebilah pisau komando, seutas jam tangan dan wang tunai yang disita. Persoalannya di manakah keterangan untuk menyokong fakta tersebut viz a viz permintaan atau tuntutan (*demand*) yang dimaksudkan dalam makna memperoleh? Untuk perkara (b) di atas, sebagai pemulaan, apa yang amat jelas sekali ialah tidak ada langsung keterangan tentang permintaan atau tuntutan wang rasuah atau upah mengenai pemulangan barangan peribadi tersebut oleh kedua-dua perayu. Keterangan saksi-saksi pendakwaan tidak menyokong penemuan unsur ini. SP6 dalam keterangannya menyatakan:

> Kemudian OKT2 datang seorang dan beritahu kami kena bayar dulu duit itu sebab dia dah guna duit dia sendiri.
>
> Saya dan Rizal beritahu perkara yang sama seperti OKT1 kerana beg duit ada di dalam lokap IPD.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 16 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

> Selepas itu OKT2 beritahu bayar RM1000.00 *semasa ambil barang-barang* saya di IPD semasa dibebaskan. Kemudian OKT 2 beredar.

SP6 sekali lagi di ms 47, rekod rayuan, memberi penjelasan:

> Saya kata 'RM1,000 bagi mendapatkan semula barang-barang yang telah diambil oleh anggota berkenaan ialah semasa di lokap Mahkamah, OKT2 suruh saya *bayar wang tersebut semasa nak ambil barang-barang* milik saya

SP7 juga me ngatakan:

> Saya dengar Azzrulnizam beritahu Asyraf 'kami tidak mempunyai wang pada masa sekarang. Kami akan *beri wang selepas mendapatkan barang-barang* kami di IPD Melaka Tengah (ms 63, RR)
>
> Justeru itu beliau bersetuju agar wang tersebut dibayar semula *selepas mendapatkan barang-barang* kami di IPD Melaka Tengah (ms 64, RR)

Keterangan SP6 dan SP7 hanya menyatakan wang yang kena dibayar itu akan dibuat atau lakukan semasa dia mengambil barang-barang peribadi mereka di IPD Melaka Tengah. Tidak ada apa-apa keterangan yang menyatakan mereka perlu membayar wang yang dituntut sebagai upah untuk melepaskan barang barang peribadi berkenaan. SP6 telah juga mengubah aduannya di eksh P6 dengan menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan merujuk kepada bayaran yang dikatakan diminta semasa di lokap mahkamah akan dilakukan semasa mengambil barang-barang peribadinya dan bukan sebagai upah untuk melepaskan barang-barang itu kepadanya. SP6 dan SP7 dengan jelas tidak pernah mengatakan mereka diminta untuk membayar upah untuk mengeluarkan barang-barang peribadi mereka. Isu ini dimudaratkan lagi dengan penemuan yang dibuat oleh hakim bicara apabila beliau menyatakan di ms 14 penghakimannya seperti yang berikut:

> Barangan peribadi SP6 dan SP7 yang disita oleh pihak polis telah pun dikembalikan kepada mereka sebagaimana alasan yang diberikan oleh tertuduh 1 dan tertuduh 2 apabila wang permintaan mereka dibayar.

Apakah keterangan bagi menyokong penemuan fakta ini? Saya gagal menemuinya walaupun setitik! Sebenarnya, dan ini tidak dinafikan oleh semua pihak, bahawa barang-barang peribadi SP6 dan SP7 telah dikembalikan tanpa ada apa-apa bayaran atau permintaan atau tuntutan rasuah. Keputusan hakim bicara ternyata khilaf dan salah di sini. Begitu juga dengan bahagian berkaitan pertuduhan ketiga itu.

[22] Saya juga gagal menemui keterangan bagi menyokong bahagian pertama pertuduhan ketiga berkenaan. Adakah dibuktikan ada permintaan atau tuntutan (*demand*) untuk memperoleh wang RM1,000 seorang sebagai upah kerana mengurangkan jumlah jaminan mahkamah? Jika diteliti keterangan semua saksi pendakwaan serta penghujahan TPR di mahkamah

JOBNAME: No Job Name PAGE: 17 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

bicara, dapat diperhatikan permintaan yahg dikatakan dibuat oleh kedua-dua perayu berbeza-beza. Titik tolak kepada pertuduhan ketiga ini ialah peristiwa di lokap mahkamah. Mengenai permintaan itu, SP6 dalam keterangannya menyatakan:

> Ketika di lokap Mahkamah, OKT1 datang seorang dan beritahu duit jaminan telah dikurangkan dari RM1500 kepada RM1000.
>
> Dia beritahu telah berbincang dengan pihak Mahkamah dan Majistret bersetuju kurangkan RM500. Dia mahu kami berdua bayar RM500 seorang. Bayar pada dia.
>
> Pada masa itu, tiada apa-apa pada saya dan beritahu tidak boleh bayar apa-apa masa itu. Kemudian dia beredar.
>
> Kemudian OKT2 datang seorang dan beritahu kami kena bayar duit itu *sebab dia dah guna duit dia sendiri*.

Semasa diperiksa balas SP6 mengatakan:

> Selepas lebih kurang 1 jam turun ke lokap, Sjn Roslan datang seorang. Asyraf datang sorang juga.
>
> S Katakan OKT1 datang seorang kemudian datang semula dengan OKT2?
>
> A OKT2 datang seorang sahaja.
>
> Asyraf bercakap dengan kami, beritahu duit jaminan telah dikurangkan dari RM1,500 kepada RM1,000. Dia minta bayar RM500 seorang beza penurunan kerana dia telah berbincang dengan orang Mahkamah.

SP7 pula dalam keterangannya menyatakan:

> Semasa dalam perjalanan ke Mahkamah, Asyraf ada minta wang dari kami sebanyak RM5,000 sebagai mengurangkan wang jaminan di Mahkamah.
>
> Di lokap, L/Kpl. Asyraf ada datang berjumpa saya.
>
> Beliau telah minta wang sebanyak RM500 setiap seorang di mana beliau mengatakan duit tersebut sebagai upah beliau bag! mengurangan wang jaminan yang tidak melebihi gaji pokok kami RM1,500. Sewaktu itu Azrul ada bersama.
>
> Wang ini untuk dibayar pada beliau dan Sjn Roslan.
>
> Semasa di lokap Mahkamah, (selepas Asyraf minta wang RM500) beliau beredar dan beberapa minit kemudian beliau datang bersama Sjn Roslan.
>
> Sjn Roslan menerangkan pada kami wang RM1,000 sebagai wang jaminan yang telah dikurangkan telah *didahulukan oleh wang beliau*

SP2 juga ada menyentuh tentang perkara ini:

> Kemudian Azrul beritahu ada masalah untuk dapat dompet dan barang-barang persendirian dari polis kerana terpaksa sediakan wang tunai RM500 setiap seorang untuk dibayar pada *Sjn Roslan kerana Sjn Roslan telah mendahulukan wang ikat jamin* sebanyak RM500 seorang kepada Azrul dan Rizal.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 18 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

> Keterangan saya tidak dipercayai oleh Azrul dan Rizal kerana menurut Azrul dia telah bincang dengan Sjn Roslan berhubung dengan wang jaminan tersebut dan diberitahu wang jaminan sebenar adalah RM1,500 dan *beliau telah dahulukan RM500* untuk setiap mereka dengan tujuan merendahkan wang jaminan ke tahap RM1,000.

Dalam pemeriksa balas dinyatakan:

> Nama Asyraf ada disebut pada malam itu mengenai pendahuluan RM500 dan Kpl Asyraf pun RM500.
>
> Sebab kena beri ialah untuk bayar pendahuluan yang dibayar oleh Roslan RM500 seorang. Ini diberitahu oleh Azrul.

Dari keterangan ini, jika hendak dipercayai dengan permintaan berkenaan, urusan permintaan itu lebih kepada pembayaran semula wang pendahuluan yang dibuat oleh perayu 2. Harus diingati perayu 2 ialah ketua pasukan kepada perayu 1 dalam kes ini. Jenis pembayaran itu semestinya akan mengikut apa yang dikatakan oleh perayu 2. Ini menjadi lebih ketara memandangkan hakim bicara telah menolak pertuduhan kedua, walaupun berkaitan dengan permintaan wang tunai RM500 sebagai upah dalam mengurangkan jumlah jaminan mahkamah. Harus diingati, tidak ada transaksi lain yang melibatkan permintaan atau memperoleh RM1,000 seorang sebagai upah mengurangkan jaminan mahkamah kecuali yang dikatakan berlaku di lokap mahkamah. Hakim bicara tidak mempertimbang dan menilai aspek ini dengan mendalam. tetapi sekadar menerima semuanya yang diperkatakan oleh SP6 dan SP7.

[23] Keraguan atau kepincangan mengenai apa sebenarnya bayaran yang dikatakan untuk dibayar sebagai upah ditunjuk lanjut daripada percanggahan antara aduan SP6 dan taklimat serta tujuan perangkap itu sendiri. Sebagai permulaan aduan SP6 sendiri tidak menyebut langsung tentang upah pengurangan jumlah jaminan mahkamah. Dalam aduannya di eksh 6, SP6 menyatakan:

> Pada 26/5/2003, jam lebih kurang 2.30 ptg semasa di Mahkamah Ayer Keroh Melaka anggota polis bernama Sarjan Roslan dan L/Koperal Ashraf meminta wang rasuah daripada saya dan rakan saya bernama Mohd Rizal sebanyak RM1,000.00 bagi mendapatkan semula barang-barang persendirian saya yang telah diambil oleh anggota berkenaan.

Berdasarkan aduan ini, satu taklimat perangkap telah dibuat oleh penguasa Mohd Zaki Hassan. Tentang tujuan taklimat itu, SP8 mengatakan bahawa taklimat tersebut berkaitan dengan dua anggota polis yang telah meminta wang sebanyak RM1,000 daripada dua pengadu untuk memulangkan barang kes yang telah disita oleh polis dalam satu kes ragut. Tiada apa-apa berkenaan dengan permintaan duit untuk mengurangkan jumlah jaminan atau selainnya. Ini disah lanjut oleh SP11, SP12, SP13, SP16 dan SP17. Bagaimanapun, SP6

JOBNAME: No Job Name PAGE: 19 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

kemudiannya telah mengubah maksud aduannya dengan mengatakan (di ms 47, rekod rayuan) seperti yang berikut:

> Pada esok pagi, saya, Rizal dan Mejar Naza pergi ke pejabat BPR buat laporan. Repot itu ada ditulis.
>
> Saya boleh cam repot saya.
>
> Borang Aduan 21/03 dirujuk dan diakui.
>
> Tandatangan saya sebelah bawah kiri bertarikh 27.5.2003.
>
> Sebagai. (P6).
>
> Saya kata 'RM1,000 bagi mendapatkan semula barang-barang yang telah diambil oleh anggota berkenaan' ialah semasa di lokap Mahkamah, OKT2: suruh saya bayar wang tersebut semasa nak ambil barang-barang milik saya.
>
> Ya, RM1,000 ini ialah yang diminta oleh kedua-dua OKT semasa di lokap Mahkamah.

SP6 sudah semestinya merujuk kepada pembayaran semula RM500 seorang wang perayu 2 yang dikatakan didahulukannya bagi tujuan pengurangan jumlah jaminan mahkamah. Dalam keadaan ini, wang perangkap yang dikatakan diberikan oleh SP6 kepada perayu 1 itu sudah semestinya bukan merupakan wang rasuah untuk upah mengembalikan barangan SP6 ataupun, jika hendak dilanjutkan, upah bagi mengurangkan jaminan mahkamah. Walaupun mungkin diperkatakan eksh P6 hanya merupakan satu aduan untuk menggerakkan satu siasatan oleh BPR, namun dalam keadaan kes ini kedudukan di atas telah menyumbang kepada keraguan kepada asas pertuduhan ketiga terhadap perayu 1.

[24] Berdasar pertimbangan di atas, saya berpendapat pendakwaan telah gagal membuktikan unsur permintaan atau tuntutan (*demand*) dan sekali gus unsur memperoleh untuk membangkitkan satu kes secara rasuah memperoleh bagi diri perayu 1 suatu suapan iaitu wang tunai RM1,000 seorang seperti dalam pertuduhan ketiga. Walaupun jika ada permintaan dibuat, itu tidak ada kaitan dengan upah seperti yang nyatakan dalam pertuduhan. Jika ada pun kesalahan telah dilakukan oleh perayu 1 ataupun perayu 2, kesalahan itu boleh merujuk: kepada kesalahan lain tetapi bukan kesalahan rasuah seperti dipertuduhkan di sini. Hakim bicara juga telah terkhilaf dengan nyata apabila menyatakan salah satu elemen yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan di akhir kes pendakwaan melibatkan pembuktian suatu suapan telah diperoleh atau diterima. Ini bertentangan dengan pertuduhan yang menyebut secara khusus berkenaan dengan elemen memperoleh dan bukan bersekali dengan menerima.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 20 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

[25] Berkenaan dengan alasan kedua, dan dengan huraian berkenaan dengan alasan perlukah pendakwaan membuktikan permintaan atau tuntutan (*demand*) dalam membuktikan kes mereka atas dasar secara rasuah memperoleh suatu suapan, alasan yang berkenaan dengan ungkapan RM1,000 seorang menjadi lebih jelas. Daripada fakta yang telah dibentangkan bersama dengan analisa keterangan saksi-saksi utama, suapan RM1,000 seorang itu ternyata salah, tidak wujud, salah tanggapan dan amat meragukan. Berdasarkan keterangan dan fakta yang telah dikemukakan kesilapan begini tidak sepatutnya berlaku di pihak pendakwaan. Yang lebih menghairankan, pihak pendakwaan tidak langsung pada bila-bila masa mengambil tindakan untuk membetulkan kesilapan itu. Kesilapan sebegini bukan sahaja telah memprejudiskan kedua-dua perayu, malahan telah menyebabkan *miscarriage of justice*. Dalam apa keadaan sekalipun, pindaan atau penyembuhan di bawah s 422 Kanun Acara Jenayah tidak dapat dan tidak seharusnya dilakukan di peringkat rayuan ini — (lihat *Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572). Dalam keadaan istimewa kes ini, keputusan kes *Tunde Apatira & Ors*, dan kes-kes yang dirujuk sebagai sandaran oleh TPR tidak terpakai. Untuk isu ini saya bersetuju sepenuhnya dengan penghujahan peguam perayu.

[26] Berdasarkan kepada huraian di atas, saya berpendapat memadai bagi saya untuk menentukan rayuan ini dengan hanya berdasarkan dua alasan utama yang ditimbulkan oleh peguam perayu 1 yang terpelajar. Dengan kegagalan untuk membuktikan unsur memperoleh, pendakwaan telah juga tidak berjaya memakai andaian di bawah s 42 Akta Pencegahan Rasuah 1997, dan sekali gus telah gagal untuk membuktikan satu kes prima facie di akhir kes pendakwaan. Perayu 1 tidak seharusnya dipanggil untuk membela dirinya. Walaupun mahkamah dalam rayuan harus memberi pengiktirafan kepada penemuan yang dibuat oleh mahkamah bicara, dan agak perlahan dalam mengganggu keputusan hakim bicara, namun mahkamah dalam rayuan bertanggungjawab membetulkannya jika didapati keputusan dan penemuan yang dibuat itu adalah salah. Dalam keadaan kes ini, seperti diperbincangkan di atas, keputusan hakim bicara telah tersasar jauh dan ini membuatkan sabitan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 21 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 23 13:31:29 2013
//caseml/case/mlj/2013_008_mlj_629

yang diputuskan tidak selamat dan tidak boleh dipertahankan. Dengan ini saya tidak teragak-agak untuk membenarkan rayuan perayu 1 dan memerintahkan dia dilepas dan dibebaskan.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor